

Rujukan Kami (Our Ref): UMP.03.01/10.12/3 (33)

Tarikh: 11 Disember 2020

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.

Prof. Dato Sri/ Prof. Dato/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 8 TAHUN 2020
PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI
YANG BERSARA DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil. 8 Tahun 2020 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Yang Bersara di Universiti Malaysia Pahang untuk maklumat dan tindakan Prof. Dato Sri/ Prof. Dato/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang



PEKELILING BENDAHARI BIL. 8 TAHUN 2020

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

Prof. Dato Sri/ Prof. Dato/ Prof./ Prof Madya/ Tuan/ Puan,

PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI YANG BERSARA DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan bagi meraikan pegawai yang bersara di Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Peraturan mengenai perkara ini adalah dirujuk daripada sumber-sumber berikut:

- (i) Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 5 Tahun 2011;
- (ii) Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2016 (perkara 2.8 kadar keraian bagi penyediaan jamuan untuk pegawai yang akan bersara); dan
- (iii) WP 5.2 Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara.

3.0 PERATURAN

3.1 Jamuan

Kadar penyediaan jamuan untuk pegawai yang bersara dan jemputan adalah tidak melebihi RM30.00 seorang. Bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada mereka yang benar-benar perlu sahaja.

3.2 Cenderamata

Pegawai yang bersara boleh diberikan hadiah penghargaan dalam apa-apa bentuk yang difikirkan sesuai atas kadar keseluruhannya tidak melebihi RM400.00 seorang.

3.3 Sijil Penghargaan

Pegawai yang bersara boleh diberikan sijil penghargaan.

3.4 Syarat-Syarat

- (i) pegawai yang layak diraikan terdiri daripada pegawai yang bersara wajib, bersara atas sebab kesihatan dan bersara pilihan;
- (ii) bagi pesara pilihan, pegawai hendaklah telah berkhidmat dengan Universiti tidak kurang daripada 15 tahun;
- (iii) bagi pesara yang bersara atas sebab kesihatan, pegawai boleh diraikan tanpa mengambilkira tahun perkhidmatan pegawai dengan Kerajaan dan Universiti;
- (iv) majlis hendaklah dirancang dan diadakan sekali setahun sahaja. Setakat mana yang boleh, majlis hendaklah diadakan di peringkat Universiti yang meliputi semua pusat tanggungjawab (PTJ);
- (v) pegawai layak diraikan sekali sahaja;
- (vi) majlis hendaklah seboleh-bolehnya diadakan di kawasan Universiti; dan
- (vii) majlis seboleh-bolehnya hendaklah diadakan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan untuk mengelakkan perbelanjaan kepada

pegawai seperti perbelanjaan perjalanan dan penginapan sekiranya pegawai berpindah ke tempat lain selepas bersara.

4.0 HAL-HAL LAIN


- 4.1 Mana-mana perbelanjaan yang melebihi kadar yang ditetapkan, hendaklah ditanggung oleh sumber daripada pegawai-pegawai lain yang meraikan pegawai yang bersara;
- 4.2 Jabatan yang menguruskan majlis keraian pegawai yang bersara hendaklah memastikan pelaksanaan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya; dan
- 4.3 Pesara yang dijemput untuk menghadiri majlis ini dan hadir ke majlis tersebut adalah layak membuat tuntutan perjalanan yang munasabah berdasarkan kadar kelayakan sebelum bersara. Pembayaran bagi tuntutan ini adalah dibayar oleh PTJ / Jabatan asal sebelum bersara.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa serta merta.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 11 Disember 2020.

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Pegawai Undang-Undang